

## Keberkesan Penggunaan Kad Imbasan dalam Meningkatkan Kemahiran Awal Bacaan Kanak-Kanak 4 Tahun

*The Effectiveness of Using Scan Cards in Improving the Early Reading Skills of 4-Year-Old Children*

Jacintha Henry<sup>1</sup> & Nordin bin Mamat<sup>1\*</sup>

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,  
35900, Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA<sup>1</sup>

Tadika Pasti AL-Husna, 528, Kg. Seri Geriang, 35900,  
Hulu Bernam, Hulu Selangor, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding author: [nordin@fpm.upsi.edu.my](mailto:nordin@fpm.upsi.edu.my)

**Published:** 28 June 2022

**To cite this article (APA):** Henry, J., & Mamat, N. (2022). The Effectiveness of Using Scan Cards in Improving the Early Reading Skills of 4-Year-Old Children. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 147-159. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.14.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.14.2022>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan terbaik guru terhadap pembelajaran melalui aktiviti menggunakan kad imbasan di Taska. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membaca awal kanak-kanak dengan menggunakan kad imbasan dalam kalangan murid-murid taska. Kumpulan sasaran untuk kajian tindakan penyelidik kali ini adalah seramai tiga orang murid-murid yang berumur tiga tahun daripada taska yang terletak di daerah Hulu Bernam. Masalah yang didapati dalam kelas ini ialah kanak-kanak tidak memahami konsep awal bacaan dan sukar mengenalpasti huruf vokal serta menyelesaikan soalan yang berkaitan dengan huruf vokal. Objektif kajian ialah mengecam huruf vokal, membunyikan huruf vokal menggunakan dan menarik minat kanak-kanak menggunakan kad imbasan. Reka bentuk kajian adalah Kajian Tindakan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan kad imbasan untuk menyelesaikan lembaran kerja yang diberi oleh penyelidik. Pengumpulan data untuk kajian ini diperolehi melalui pemerhatian iaitu, lembaran kerja, senarai semak pemerhatian dan gambar. Bagi data analisis pula, penyelidik menggunakan WPS Office (Writer, Presentation and Spreadsheets). Pelaksanaan kajian adalah melalui empat fasa kajian iaitu merancang, bertindak, melaksanakan dan membuat refleksi. Dapatan kajian telah membuktikan (1) Aktiviti praktikal menggunakan kad imbasan dapat meningkatkan penguasaan kanak-kanak dalam menyebut huruf vokal, (2) Penguasaan dalam menyebut huruf vokal dengan baik dan (3) Penggunaan bahan maujud yang sesuai dapat meningkatkan penguasaan bahasa kanak-kanak. Refleksi kajian menunjukkan pengajaran menerusi aktiviti praktikal dapat menarik perhatian murid dan membangkitkan semangat dalam diri kanak-kanak. Secara umumnya, kajian ini dapat memudahkan tugas pendidik sekaligus dapat menaikkan semangat murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut.

**Kata kunci:** Kad Imbasan, Kanak-Kanak, Huruf Vokal

### Abstract

*This study aims to explore teacher best practices on learning through activities using scan cards in Taska. This study conducted to improve child early reading skills by using scan cards among kindergarten pupils. The target group for the researcher's action research this time is three three-year-old students from a nursery located in the Hulu Bernam district. The problem found in this class is that children do not understand the early concepts of reading and have difficulty identifying vowel letters as well-solving*

*questions related to vowel letters. The objective of the study was to recognize vowel letters, sound out vowel letters using and interest children using scan cards. The study design was Action Research using qualitative methods. The method used was to use a scan card to complete the worksheet given by the researcher. Data collection for this stud was obtained through observations like worksheets, observation checklists, and photographs. For data analysis, researchers use WPS Office (Writer, Presentation, and Spreadsheets). The implementation of the study is through four phases of the study, namely planning, acting, implementing, and reflecting. Findings of the study have proven that (1) Practical activities using scan cards can improve children's proficiency in pronouncing vowels, (2) Proficiency in pronouncing vowels well, and (3) The use of appropriate materials can improve children's language proficiency. Reflections on research show that teaching through practical activities can attract students' attention and arouse enthusiasm in children. In general, this study can facilitate the task of educators well as raise the spirits of students to engage in such activities.*

**Keywords:** Scan Card, Children, Vowel Letters

## **1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU**

Penyelidik merupakan pelajar praktikal yang menjalankan aktiviti pengajaran di Tadika Al-Pasti selama 2 kali dalam seminggu. Semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh tersebut, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa orang murid tidak dapat memberi perhatian semasa kelas awal bacaan Bahasa Melayu sedang berlangsung. Oleh itu, penyelidik telah mengambil keputusan untuk membuat pemerhatian terhadap beberapa orang murid tersebut sebelum, semasa, dan selepas mereka melakukan aktiviti yang diberi oleh pendidik pada masa pengajaran. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilihat, penyelidik mendapati bahawa mereka sukar mengenal huruf vokal a, e, i, o, u yang ditunjuk oleh pendidik. Kanak-kanak juga sukar menyebut huruf tersebut berdasarkan kad bergambar tersebut. Pada permulaannya, penyelidik memerhatikan prestasi murid dengan mengenal huruf vokal berdasarkan kad bergambar. Oleh yang demikian, penyelidikan mendapati bahawa murid tersebut masih sukar mengenal huruf vokal dengan baik. Hal ini kerana, mereka banyak melakukan kesilapan apabila diminta membulatkan huruf vokal berdasarkan kad bergambar tersebut. Contohnya, kanak-kanak Taska diberi lembaran kerja berserta gambar yang mempunyai huruf vokal. Seterusnya kanak-kanak tersebut diminta untuk membulatkan huruf vokal yang sesuai berdasarkan gambar dalam lembaran kerja tersebut.

Keadaan ini menyebabkan mereka kurang berminat dengan aktiviti tersebut kerana kurang memahami dengan penerangan yang diberi oleh guru, bahkan berprestasi lemah dalam mengenal huruf vokal. Apabila diberi latihan berkaitan dengan huruf vokal, murid yang mempunyai masalah dalam mengenal huruf vokal sukar untuk memberi jawapan apabila pendidik memberikan lembaran dan keadaan ini menyebabkan penyelidik berasa sangat kecewa dan sedih. Oleh itu, penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan satu kaedah yang sesuai untuk membangkitkan semangat mereka untuk mengenal huruf vokal dengan lebih baik.

Oleh sebab itu, penyelidik meneruskan pemerhatian ke atas murid yang bermasalah dalam mengenal huruf vokal serta menarik minat mereka untuk mengenal huruf vokal. Penyelidik tidak lagi mengajar hanya bergantung kepada kad bergambar sahaja tetapi mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian tindakan terhadap masalah yang dihadapi agar masalah dapat diatasi. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian tindakan dengan menggunakan kad imbasan untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membaca dengan menyebut huruf vokal tersebut serta dapat mengenal huruf vokal dengan baik.

## 2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada kemahiran mengenal huruf vokal dalam kalangan kanak-kanak umur empat tahun terhadap kemahiran membaca. Kajian ini mengutamakan kanak-kanak yang sukar menjawab soalan latihan lembaran kerja yang diberi oleh pendidik. Hampir kesemua kanak-kanak yang menghadapi kesulitan dalam menguasai kemahiran membaca di mana punca masalahnya adalah pada peringkat asas iaitu kegagalan mengenal bunyi sebutan huruf vokal awalan ‘a, e, i, o, u’. Menurut Sharifah Puteh dan Aliza Ali (2011), kemahiran membaca yang lemah menyebabkan kanak-kanak tidak dapat mengikuti pembelajaran formal. Malah, kegagalan membaca membawa kepada risiko kegagalan semasa di sekolah.

Penyelidik perlu memfokuskan tahap penguasaan kanak-kanak terhadap pembelajarannya dan bukan hanya mengambil perhatian terhadap keputusan yang ingin dicapai. Bagai membantu kanak-kanak yang telah dikenalpasti lemah dalam kemahiran membaca, penyelidik telah merancang kaedah yang sesuai dan berkesan untuk meningkatkan kefahaman kanak-kanak dalam mengenal huruf vokal dengan baik. Pendidik menggunakan bahan bantu mengajar yang boleh menarik minat kanak-kanak untuk belajar iaitu kad imbasan dan kotak kecil berserta kad vokal. Aktiviti ini mudah dilakukan kerana hanya memerlukan kad imbasan, kotak, dan kad vokal di mana kanak-kanak perlu menyusun huruf vokal dalam kotak tersebut.

Penyelidik mempercayai bahawa kemahiran membaca adalah penting untuk kanak-kanak. Kemahiran membaca adalah kemahiran yang penting dalam pendidikan terutamanya pada peringkat awal dalam persekolahan kerana kemahiran membaca mempunyai hubungan dengan penguasaan bahasa (Tamam et al. 2010). Pendedahan awal asas membaca adalah sangat penting dan perlu diasah dari awal agar kanak-kanak tidak dikategorikan sebagai kanak-kanak yang bermasalah dalam membaca. Oleh itu, kanak-kanak perlu diberi pendedahan dari awal persekolahan agar mereka dapat mempelajarinya dari awal lagi. Menurut Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Jamalul Lail Abdul Wahab, dan Nordin Mamat (2013), pengajaran yang berkesan memerlukan pengetahuan mengenai perkara dan pengajaran kemahiran. Dengan adanya pengetahuan maka penyelidik dapat melaksanakan aktiviti pengajaran dengan lebih baik.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan kad imbasan dalam meningkatkan kemahiran awal bacaan kanak-kanak berumur empat tahun di Tadika Al-Pasti terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di dalam Kurikulum Permata Negara. Penyelidik telah menjalankan kajian ini berdasarkan dua perspektif iaitu objektif umum dan objektif khusus.

### 3.1 Objektif Umum

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak yang berumur empat tahun dalam mengenal huruf vokal dengan menggunakan kad imbasan.

### 3.2 Objektif Khusus


Objektif khusus kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti keberkesanan penggunaan kad imbasan bagi mengecam huruf vokal (a, e, i, o, u) dalam awal bacaan Bahasa Melayu kanak-kanak empat tahun.
- ii. Meneroka keberkesanan penggunaan kad imbasan bagi membunyikan huruf vokal dengan betul.
- iii. Meneroka keberkesanan penggunaan kad imbasan bagi menarik minat kanak-kanak empat tahun mempelajari huruf vokal.

## 4.0 METODOLOGI KAJIAN

### 4.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian melalui kaedah kualitatif. Kajian ini dijalankan berteraskan kepada Gelung Kajian Tindakan Kemmis & McTaggart (1988) yang menyarankan empat langkah iaitu merancang, bertindak, dan perhati dan mereflek (Cresswell 2008; Merriam 2009; Cohen et.al 2007).



**Rajah 4.1** Lingkaran Kajian Tindakan

### 4.2 Peserta Kajian/Kumpulan Sasaran

Kajian ini dilaksanakan di Tadika Pasti Al-Husna di Hulu Bernam, negeri Selangor. Kajian ini dijalankan semasa sesi pagi di mana seramai tiga orang murid empat tahun akan menghadiri ke tadika tersebut. Kumpulan sasaran yang telah difokuskan dalam kajian ini ialah murid yang berumur empat tahun yang didapati mempunyai masalah dalam mengenal dan mengacau huruf vokal. Peserta kajian yang telah dipilih dan diambil untuk terlibat dalam kajian ini ialah seramai tiga orang murid di mana mereka terdiri seorang lelaki dan dua orang murid perempuan.

### 4.3 Pengumpulan Data

Pengumpulan data kajian adalah melalui pemerhatian dan senarai semak. Bagi pemerhatian, pengumpulan data adalah melalui hasil kerja murid, senarai semak dan gambar. Senarai semak kajian mempunyai lima item bagi menjawab persoalan kajian. Berikut merupakan senarai semak pemerhatian seperti jadual 5.3 di bawah:

**Jadual 4.3** Senarai Semak Pemerhatian Aktiviti

ASPEK YANG DINILAI	TAHAP PENCAPAIAN			CATATAN
	SM	M	KM	
Minat peserta kajian terhadap konsep awal bacaan.				
Penglibatan peserta kajian dalam pembelajaran				
Kefahaman peserta kajian terhadap topik literasi.				

Tingkah laku yang dipamerkan oleh peserta kajian sepanjang pembelajaran huruf vokal.				
Sifat peserta kajian kepada topik huruf vokal.				

Catatan: Pencapaian peserta kajian

SM = Sangat Memuaskan

M = Memuaskan

KM = Kurang Memuaskan

#### 4.4 **Analisis Kajian**

Kajian ini dianalisis menggunakan *WPS Office (Writer, Presentation and Spreadsheets)* untuk menyusun dapatan kajian secara sistematik dan tersusun melalui hasil kerja murid, senarai semak dan gambar.

#### 4.5 **Etika Penyelidikan**

Isu-isu etika sangat penting dalam penyelidikan sebagai panduan untuk melengkapkan setiap kajian yang dijalankan. Penyelidik yang tidak mematuhi etika etika penyelidikan akan merosakkan reputasi penyelidikan sosial. Sebagai penyelidik dalam kajian ini, saya sentiasa mematuhi etika penyelidikan. Sebelum menjalankan kajian penyelidikan di Taska, terlebih dahulu pihak kami akan menghantar surat kepada pengusaha Taska untuk memohon kebenaran menjalankan kajian di taska tersebut. Selain itu, permohonan ini bertujuan untuk memberitahu kepada pihak taska supaya kajian tindakan yang dirancang tidak mengganggu aktiviti harian atau jadual di Taska tersebut. Selain daripada memohon kebenaran pihak taska, penyelidik juga meminta kebenaran daripada responden yang dipilih untuk menjalankan kajian tindakan ini kerana mereka ada hak untuk menerima atau menolak permintaan tersebut. Mematuhi etika penyelidikan adalah tanggungjawab penyelidik. Kegagalan mematuhi etika berkenaan akan menggugat kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dijalankan.

#### 4.6 **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Kajian ini menggunakan kaedah Triangulasi iaitu pengumpulan data kajian lebih dari satu sumber. Pengumpulan data kajian adalah melalui hasil kerja murid, senarai semak dan gambar. Triangulasi data merupakan salah satu cara untuk kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

### 5.0 **PELAKSANAAN KAJIAN**


#### 5.1 **Tinjauan masalah**

Tinjauan masalah adalah berdasarkan kepada hasil kerja murid dan senarai semak sebelum kajian tindakan ini dilaksanakan.

##### 5.1.1 **Hasil Kerja**

Penyelidik telah meninjau masalah murid melalui hasil kerja murid sebelum kajian dijalankan. Hasil kerja murid menunjukkan murid tidak dapat menyelesaikan lembaran kerja apabila diminta untuk membulatkan huruf vokal yang diberi oleh guru. Hasil kerja murid dapat dilihat berdasarkan rajah di bawah:

### Rajah 5.1.1 Hasil Kerja Murid Sebelum Kajian



### 5.1.2 Senarai Semak Pemerhatian

Penyelidik telah meninjau masalah murid dengan menggunakan senarai semak pemerhatian murid sebelum kajian. Senarai semak pemerhatian menunjukkan murid tidak dapat membulatkan huruf vokal dengan tepat walaupun di bawah bimbingan pendidik. Senarai semak pemerhatian murid dapat dilihat berdasarkan rajah di bawah:

**Jadual 5.1.2** Senarai Semak Pemerhatian Sebelum Membuat Kajian

ASPEK YANG DINILAI	TAHAP PENCAPAIAN			CATATAN
	SM	M	KM	
Minat peserta kajian terhadap konsep awal bacaan.			/	Peserta kajian tidak memberi perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran.
Penglibatan peserta kajian dalam pembelajaran			/	Peserta kajian tidak ingin melibatkan diri dalam pembelajaran.
Kefahaman peserta kajian terhadap topik literasi.			/	Peserta kajian tidak faham mengenai topik yang diajar.
Tingkah laku yang dipamerkan oleh peserta kajian sepanjang pembelajaran huruf vokal.			/	Peserta kajian tidak menunjukkan minat untuk belajar dan tidak mendengar arahan.
Sifat peserta kajian kepada topik huruf vokal.			/	Peserta kajian hanya diam ketika disoal.

### 5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Penyelidik mendapati bahawa terdapat murid yang masih sukar untuk mengenal huruf vokal dengan tepat. Setelah masalah ini dikenal pasti, penyelidik telah menggunakan hasil kerja murid, senarai semak dan gambar untuk mendapatkan maklumat yang lebih teliti berkaitan dengan masalah yang penyelidik telah kaji. Berdasarkan kajian tersebut, penyelidik mendapati bahawa dalam lima soalan tersebut, hanya dua soalan sahaja yang betul. Berdasarkan hasil kerja murid, mereka masih sukar untuk mengenal huruf vokal berdasarkan gambar yang ada. Manakala bagi senarai semak pula, penyelidik mendapati kanak-kanak masih

tidak dapat mengecam huruf vokal dengan betul. Hal ini kerana, mereka masih kurang faham untuk mengenal huruf tersebut.

### 5.3 Tindakan yang dijalankan (merancang, bertindak, memerhati dan merefleksi)

#### Fasa 1: Merancang

Pada mulanya, penyelidik merancang satu tindakan sebagai rawatan kepada masalah yang menjadi fokus utama iaitu dengan menjalani aktiviti praktikal untuk mengatasi masalah yang telah didapati dalam kalangan murid empat tahun. Penyelidik telah merancang dan melaksanakan penggunaan kad imbasan untuk mengatasi masalah sukar mengenal huruf vokal. Menurut Rashidah Elias dan Mahani Razali (2013) menyatakan bahawa kanak-kanak pada umur tiga tahun ke atas telah mempunyai kesediaan untuk membaca kerana mereka secara semula jadi mempunyai kemahiran literasi awal semenjak lahir lagi. Oleh itu, penyelidik telah memilih kad imbasan kerana murid akan diberi peluang untuk mengenal dan menyebut huruf vokal berdasarkan huruf yang tertera berserta gambar.

Hal ini memudahkan untuk kanak-kanak mengenal huruf tersebut. Objektif pembelajaran yang ditetapkan perlu diukur dan bersifat secara eksplisit iaitu dengan tepat dan jelas. Kemahiran berfikir sesuai dimasukkan unsur aktiviti secara praktikal ke dalam rancangan pembelajaran ini agar memudahkan penyelidik untuk menyampaikan isi pembelajaran kepada murid di dalam kelas dengan lebih teratur dan berkesan. Objektif yang ditetapkan akan dijadikan sebagai panduan kepada penyelidik semasa menjalankan kajian ini.

#### Fasa 2: Bertindak

Semasa menjalankan kajian tersebut, penyelidik telah menunjukkan bahan maujud dengan kad huruf vokal yang berkenaan dengan tajuk yang telah disampaikan semasa dalam kelas. Bahan maujud yang digunakan oleh penyelidik pada permulaan kajian ialah *puzzle* huruf dan kad huruf vokal. Hal ini bagi menarik perhatian dan minat kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Penyelidik juga telah menghasilkan sendiri kad huruf vokal mengikut kreativiti agar murid lebih berminat mengikuti pelajaran tersebut. Penyelidik menunjukkan *Puzzle* huruf dan kad huruf vokal kepada peserta kajian adalah untuk memastikan peserta bersedia untuk menerima isi pengajaran yang disampaikan oleh pendidik dengan baik.

Selain itu, penyelidik juga telah membuat persediaan awal untuk menghasilkan bahan bantu mengajar yang berkenaan dengan tajuk kajian serta merancang aktiviti yang sesuai untuk menggunakan bahan bantu mengajar yang dihasilkan dengan baik. Penyelidik juga memastikan semua murid mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Peserta kajian diminta untuk melaksanakan aktiviti praktikal tersebut secara individu. Penyelidik akan menerangkan cara menyusun huruf vokal dengan betul berdasarkan kad imbasan tersebut. Kemudian, penyelidik akan memperkenalkan bahagian yang perlu diletakkan lima huruf vokal ke dalam kotak yang terbahagi kepada lima bahagian mengikut warna huruf tersebut.

Selepas itu, aktiviti praktikal akan dijalankan apabila penyelidik memberi arahan untuk memulakan aktiviti tersebut. Penyelidik akan menyoal kanak-kanak apakah huruf yang pertama di letakkan ke dalam kotak, sambil menunjukkan kad imbasan kepada kanak-kanak. Kad imbasan adalah sebagai rujukan kanak-kanak untuk mengenalpasti huruf yang pertama dan seterusnya. Apabila mereka telah meletakkan kad huruf tersebut, peserta diminta untuk menyebut huruf tersebut berdasarkan kad imbasan yang ditunjuk. Setelah itu, murid-murid akan mengira jumlah huruf yang telah mereka susun. Melalui kaedah ini, kanak-kanak akan mengenal huruf vokal A, E, I, O, dan U tanpa tekanan.

### **Fasa 3: Pemerhatian**

Setelah beberapa hari berlalu, peserta kajian akan membuat lembaran kerja yang berkaitan dengan huruf vokal sebagai pengukuhan pengetahuan mereka dengan konsep awal bacaan kanak-kanak terhadap aktiviti praktikal yang dilakukan. Bagi penutupan, penyelidik akan membuat soal jawab kepada kanak-kanak tentang topik yang dipelajari dan meminta mereka menyebut semula huruf vokal yang telah mereka pelajari. Ia bertujuan untuk memudahkan penyelidik melihat kemampuan peserta kajian mengingat huruf vokal yang mereka telah pelajari serta tahap pengetahuan mereka tentang huruf vokal.

### **Fasa 4: Refleksi**

Selesai sahaja mereka menjawab soalan tersebut, penyelidik akan mencari satu masa yang sesuai untuk menilai dan membuat refleksi terhadap peserta kajian. Penilaian yang dijalankan selepas tindakan ini membuktikan keberkesanan aktiviti praktikal untuk meningkatkan kefahaman peserta kajian terhadap kemahiran bacaan awal murid. Manakala bagi refleksi dibuat berdasarkan maklum balas guru pembimbing berkenaan dengan pencapaian kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

Berdasarkan aktiviti tersebut penyelidik telah menggunakan bidang pembelajaran PERMATA iaitu perkembangan kemahiran bahasa, komunikasi dan literasi awal. Dengan itu, penyelidik akan melihat perbezaan berdasarkan aktiviti yang dijalankan sebelum dan selepas mengaplikasikan kaedah aktiviti praktikal untuk menentukan keberkesanan kaedah tersebut dalam meningkatkan kefahaman murid berkenaan dengan huruf vokal dan minat peserta mengenai topik pengajaran tersebut. Setelah kajian ini dijalankan penyelidik melihat perubahan apabila peserta kajian dapat mengenal huruf vokal dengan baik dan dapat menyelesaikan lembaran kerja dengan baik berdasarkan kad imbasan.

## **5.4**

### **Dapatan Kajian**

Data yang dikumpul menunjukkan bahawa dengan menggunakan kad imbasan dapat membantu ketiga-tiga peserta kajian dalam mengecam huruf vokal sekaligus membunyikan huruf vokal dengan tepat. Mereka juga dapat melibatkan diri dengan aktiviti yang dijalankan oleh penyelidik menggunakan bahan maujud tersebut. Selain itu, peserta kajian juga menunjukkan peningkatan dalam menguasai kemahiran prabacaan bahkan dapat menguasai kemahiran mengenal huruf vokal dan membunyikan huruf vokal dengan baik. melalui aktiviti yang melibatkan murid dapat mewujudkan semangat rasa ingin tahu dan secara tidak langsung mereka merasa seronok untuk belajar sesuatu yang baharu. Bukan itu sahaja, aktiviti yang diaplikasikan dalam bilik darjah juga boleh dijadikan pengalaman mereka untuk mengenal lebih dalam berkenaan dengan huruf vokal.


Oleh itu, aktiviti yang melibatkan murid boleh dikatakan sebagai salah satu kaedah pengajaran yang sangat berkesan di mana dapat menarik minat dan tahap kefahaman serta penguasaan peserta kajian dalam mengenal huruf vokal berdasarkan aktiviti yang dilaksanakan. Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian iaitu objektif khusus kajian ini iaitu mengenal huruf vokal dengan baik dan membunyikan huruf vokal dengan betul berdasarkan kad imbasan huruf vokal.

#### **5.4.1 Aktiviti menggunakan Kad imbasan**

Hasil dapatan kajian adalah hasil kerja murid yang diberi oleh penyelidik. Murid menunjukkan dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul. Setiap soalan mewakili satu markah dan jika peserta kajian menjawab soalan tersebut dengan betul, maka peserta akan mendapat satu markah. Markah yang diberi merupakan penilaian secara langsung terhadap peserta kajian selepas mengaplikasikan

kaedah aktiviti menggunakan kad imbasan telah memudahkan penyelidik menilai tahap penguasaan murid. Peserta kajian 1 dapat menjawab empat soalan dengan betul. Peserta kajian 2 pula dapat menjawab tiga soalan dengan betul. Peserta kajian 3, sebelum ini sukar mengenal huruf vokal. Tetapi selepas penyelidik menunjukkan kad imbasan, peserta dapat menjawab kesemua soalan tersebut iaitu kelima-lima soalan dengan jawapan yang tepat. Setiap peserta kajian telah menunjukkan peningkatan yang drastik berbanding sebelum menjalankan aktiviti praktikal dalam mengenal huruf vokal. Ketiga-tiga peserta kajian dapat menjawab lima dan ke atas soalan mewarnakan huruf vokal dengan betul. Oleh itu, kaedah ini sememangnya amat sesuai digunakan untuk meningkatkan tahap penguasaan dan kefahaman murid berkaitan dengan huruf vokal. Berikut merupakan hasil kerja pencapaian murid pada rajah 6.4.1 di bawah:

**Gambar 5.4.1** Hasil kerja murid selepas kajian



Berdasarkan hasil kajian daripada senarai semak pemerhatian yang telah disediakan untuk tujuan pemerhatian, penyelidik mendapati terdapat beberapa perubahan yang berlaku secara drastik dalam kalangan peserta kajian selepas melaksanakan aktiviti praktikal dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam mengenal huruf vokal dan menyelesaikan lembaran kerja yang diberikan dengan betul. Namun, selepas didedahkan dengan menggunakan kad imbasan tersebut, peserta kajian menjadi lebih berminat untuk menjawab setiap soalan yang diutarakan oleh penyelidik, mereka juga menunjukkan sikap yang proaktif apabila disoal oleh guru.

Setelah peserta kajian didedahkan dengan aktiviti yang melibatkan praktikal, mereka menjadi lebih tertumpu dengan apa yang diterangkan oleh guru semasa isi pembelajaran disampaikan oleh guru terutamanya mengenal huruf vokal a, e, i, o, u. melalui aktiviti tersebut, peserta kajian menunjukkan minat yang lebih dalam terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa sifat murid menjadi lebih aktif semasa melakukan aktiviti menggunakan kad imbasan kerana mereka menunjukkan rasa ingin tahu tentang apa yang guru cuba sampaikan dalam pengajaran tersebut. Hal ini kerana, peserta kajian akan bertanya dan mengambil tahu tentang topik yang diterangkan oleh guru semasa sesi pengajaran berlangsung. Malahan mereka juga dapat memberi perhatian yang sepenuhnya semasa sesi penerangan yang disampaikan oleh penyelidik. Berikut merupakan senarai semak pemerhatian dalam jadual 5.4.1:

**Jadual 5.4.1** Senarai Semak Pemerhatian

ASPEK YANG DINILAI	TAHAP PENCAPAIAN	CATATAN
--------------------	------------------	---------

	<b>SM</b>	<b>M</b>	<b>KM</b>	
Minat peserta kajian terhadap konsep awal bacaan.	/			Peserta kajian berminat untuk mempelajari awal bacaan.
Penglibatan peserta kajian dalam pembelajaran		/		Peserta kajian aktif dan sudi melibatkan diri dalam aktiviti praktikal yang dijalankan.
Kefahaman peserta kajian terhadap topik literasi.		/		Tahap kefahaman Peserta kajian telah meningkat dan menunjuk kemajuan pada responden tersebut.
Tingkah laku yang dipamerkan oleh peserta kajian sepanjang pembelajaran huruf vokal.	/			Peserta kajian ceria sepanjang proses pembelajaran dan rajin bertanya jika terdapat sebarang soalan dan apabila responden tidak faham dengan cara pelaksanaan aktiviti praktikal.
Sifat peserta kajian kepada topik huruf vokal.	/			Peserta kajian boleh fokus dan memberi perhatian yang sepenuhnya semasa menjalankan aktiviti praktikal tersebut.

#### 5.4.2 Bahan Maujud

Berdasarkan dapatan kajian daripada pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik, dapat dilihat daripada gambar-gambar yang diambil oleh penyelidik semasa sesi aktiviti tersebut dijalankan. Hal ini menunjukkan bahawa penyelidik perlu menggunakan kad imbasan agar murid dapat memahami lebih dalam mengenai huruf vokal. Penggunaan kad imbasan dapat meningkatkan pencapaian pengetahuan kanak-kanak mengenai huruf vokal dengan baik.

#### 5.4.3 Gambar

Penyelidik juga menggunakan gambar sebagai bukti dapatan kajian. Gambar pada 1 dan 2 di bawah menunjukkan dapatan data kajian:



**Gambar 1** Kanak-Kanak Melaksanakan Aktiviti



**Gambar 2** Bahan Maujud Yang Digunakan

### 5.5 Refleksi

Dengan menghasilkan kajian tindakan ini, penyelidik telah menggunakan pelbagai jenis kaedah untuk mengumpul daptan dalam kajian penyelidikan ini. Hasil kerja murid, senarai semak dan gambar adalah antara kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengumpul data kajian tersebut. Penyelidik telah menggunakan data kualitatif bagi mengumpul data dalam kajian penyelidik. Kajian kualitatif menggunakan pendekatan semula jadi atau natural untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kaedah kajian ini tertumpu pada makna, definisi konsep, tingkah laku atau deskripsi tentang sesuatu perkara dan tidak memberi tumpuan pada pengukuran atau penilaian (Silverman, 2011). Dengan menggunakan kaedah pemerhatian, penyelidik dapat menghasilkan satu senarai semak untuk mencatat hasil pemerhatian dengan lebih mudah. Hasil penggunaan kaedah pemerhatian, penyelidik mendapati peserta kajian mempunyai perubahan dari aspek minat dan kefahaman mereka terhadap isi pembelajaran selepas menggunakan kad imbasan semasa menyelesaikan lembaran kerja menggunakan kad imbasan. Peserta juga dapat mengenal huruf vokal dengan lebih baik setelah aktiviti praktikal dilakukan. Oleh itu, berdasarkan daptan kajian yang diperoleh penyelidik, persoalan dan objektif penyelidik telah terjawab bahawa aktiviti praktikal dapat meningkatkan minat serta tahap penguasaan murid dalam menyelesaikan soalan lembaran kerja mengenai huruf vokal dengan baik.

## 6.0 REFLEKSI PENILAIAN TINDAKAN

Penyelidikan melalui kajian tindakan merupakan ilmu baharu untuk penyelidik pelajari dan aplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran semasa menjalani praktikum di Taska sebagai pelajar praktikal kelak. Sebagai guru pelatih, ini merupakan satu amalan yang penting sebelum saya melangkah menjadi seorang guru permulaan di sekolah. Pengetahuan yang ditimba di institut harus digunakan sebaik mungkin dalam proses mempelajari sesuatu yang baharu untuk di aplikasi pada masa akan datang. Pada mulanya, penyelidik memilih tajuk “Keberkesanan Penggunaan Kad Imbasan Dalam Meningkatkan Kemahiran Awal Bacaan Kanak-Kanak 4 Tahun” sebagai kajian penyelidik adalah disebabkan cara pembelajaran ini dipercayai akan berkesan dalam menyampaikan isi pembelajaran kepada murid. Oleh itu, sebagai bakal pendidik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak, pendidik perlu mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid untuk membantu anak murid sendiri untuk mengatasi masalah tersebut sebagai langkah pemulihan awal.

Menurut Suppiah Nachiappan et.all (2017), Pembelajaran melalui kaedah bermain merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Kaedah ini akan mewujudkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran. Kanak-kanak akan dapat menguasai pelbagai perkembangan seperti perkembangan dari segi fizikal, emosi, bahasa dan sosial melalui kaedah ini. Kanak-kanak akan memperoleh pembelajaran yang paling berkesan sekiranya mereka mempelajari sesuatu yang sesuai dan menarik di mata mereka. Oleh itu, melalui aktiviti praktikal juga dikategorikan sebagai salah satu permainan malah dapat membantu murid untuk menimbulkan rasa minat terhadap topik pengajaran yang disampaikan dengan menggunakan kaedah bermain.

Selain itu, aktiviti yang melibatkan kanak-kanak melakukan aktiviti adalah lebih berkesan berbanding dengan pembelajaran yang hanya bergantung kepada buku. Dengan menggunakan bahan bantu mengajar yang dihasilkan oleh pendidik, murid dapat melihat dan dapat diamalkan secara tidak langsung murid boleh memahami dengan lebih mudah dan jelas. Berdasarkan kumpulan sasaran penyelidik untuk kajian tindakan ini adalah memfokuskan kepada kanak-kanak empat tahun seramai tiga orang. Merujuk kepada teori perkembangan umur Erik Erikson, kanak-kanak yang berumur empat tahun mula membentuk satu cara berdikari dan ingin meneroka serta mencuba sesuatu yang baru dan mencabar. Hal ini kerana, kanak-kanak suka bertanyakan soalan dan mahu penjelasan untuk setiap situasi yang berlaku. Maka, pembelajaran melalui aktiviti

praktikal adalah lebih sesuai kepada kanak-kanak di mana mereka akan mencuba menyelesaikan aktiviti tersebut dengan sendiri.

### **6.1 Refleksi kendiri**

Pelbagai pengalaman diperolehi sepanjang saya menjalankan kajian penyelidikan. Di samping memperolehi ilmu pengetahuan, pendidik juga berpeluang merapatkan diri dengan kanak-kanak taska. Perasaan ingin tahu amat penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Penyelidik berusaha untuk membantu peserta kajian dalam mengenal huruf vokal. Tanpa mengenal huruf vokal, kanak-kanak taska akan mengalami masalah dalam mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu khususnya. Selain itu, penyelidik juga perlu mengetahui langkah-langkah yang betul berkaitan dengan perancangan kajian penyelidikan ini. Sebagai guru, kita hendaklah sentiasa prihatin dan peka terhadap perkembangan kanak-kanak taska. Melentur buluh biarlah dari rebung. Dari mula persekolahan inilah kita berusaha mendidik dan mengajar kanak-kanak samada dalam perkembangan fizikal, mental dan pembelajaran kanak-kanak.

Menurut Nordin Mamat et.al (2020) mengatakan bahawa interaksi bukan lisan dalam aktiviti pembelajaran, guru menggunakan bahasa badan yang merangkumi gerak isyarat, kontak mata dan ekspresi wajah. Gerakan guru tidak hanya mempunyai fungsi menekankan dan menunjukkan, tetapi juga lebih jelas menunjukkan semangat daripada sekadar kata-kata. Oleh itu, melalui aktiviti pengajaran yang telah penyelidik jalankan sememangnya amat berkesan sekiranya penyelidik menggunakan interaksi bukan lisan kepada murid bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka dengan melihat gerak geri penyelidik. Hal ini memudahkan penyelidik menyampaikan topik dengan cara bukan lisan kepada kanak-kanak.

## **7.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA**

Sekiranya saya berpeluang untuk mengajar murid yang sama untuk melakukan kajian tindakan ini sekali lagi, saya akan memperbaiki pelbagai aspek yang didapati ketidaksempurnaan. Saya akan mencari maklumat yang lebih banyak mengenai tajuk kajian saya agar saya dapat merancang satu langkah yang lebih intervensi dan lebih teratur dan sempurna untuk kajian saya. Seterusnya, saya akan mendapatkan pelbagai rujukan berkaitan dengan tajuk saya agar lebih banyak kajian yang boleh saya jalankan. Hal ini bagi mengelakkan saya melakukan sebarang kesilapan semasa saya mengaplikasikan langkah tersebut kepada peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini.

Di samping itu, saya akan merancang semula masa untuk menjalankan penyelidikan ini agar saya dapat melaksanakan dengan lebih teratur tanpa ada sebarang halangan. Hal ini kerana, saya dapati sepanjang menjalankan kajian ini, saya sukar untuk mencari taska untuk menjalankan kajian ini sehingga menyukarkan saya untuk melaksanakan kajian ini dalam masalah yang terdekat. Bagi pandangan saya, aktiviti intervensi perlu dijalankan sehingga kesemua peserta kajian yang terlibat dapat memahami isi pembelajaran yang disampaikan dengan sepenuhnya. Saya juga berpendapat bahawa kaedah yang saya gunakan dalam membantu kanak-kanak taska ini amat membantu dan berjaya. Selepas menjalankan kajian ini, peserta kajian dapat mengenal huruf vokal dengan baik. Namun begitu, terdapat juga kelemahan yang saya lihat sepanjang menjalankan kajian penyelidikan. Di mana, pada mulanya kanak-kanak agak keliru dengan arahan yang saya berikan. Namun saya dapat mengatasi daripada berlaku masalah yang tidak diingini.

Secara keseluruhannya, pembelajaran menggunakan kad imbasan semasa melakukan aktiviti praktikal amat membantu murid untuk memahami dengan lebih baik malah ia juga merupakan salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang sangat berkesan dan patut diamalkan oleh semua pendidik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana teknik ini telah melibatkan pengalaman seseorang murid dalam melakukan aktiviti secara individu.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, Anthony, N. E., & Zainudin, N. A. S. (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak*.
- Bacotang, J., Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M., Arshad, M., & Omar, A. (2019). ADDIE MODEL APPLICATION IN THE EARLY LITERATURE MODULE (LIT-A MODUL) DEVELOPMENT FOR EARLY CHILDHOOD (1 - 10). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9(2), 1-10. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/view/2468>
- Kebangsaan, 8, 33-41. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.5.2019>.
- Chew, F.P & Fikri Ismail. (2020). Pelaksanaan pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9(1), 14-25. Diperoleh daripada [file:///C:/Users/ASUS/Downloads/3400-Article%20Text-10245-3-1020210107%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/ASUS/Downloads/3400-Article%20Text-10245-3-1020210107%20(1).pdf).
- Elias, R., & Razali, M. (2013). Keperluan memulakan bacaan awal melalui penggunaan kit bacaan awal untuk kanak-kanak taska. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 2, 42-57. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/758>.
- Mohamedisa, Zainiah & Bacotang, Juppri. (2014). Kemahiran Literasi Awal bagi Kanak-kanak Taska.
- Mohd Awang, Abdul Ahmad, Jamalul Lail Wahab, & Nordin Mamat. (2013). Effective teaching strategies to encourage learning behaviour. *Jurnal Of Humanities and Sosial science*, 8(2), 35-40.
- Nordin, M. et al. (2019). Early childhood education educators' competency: A qualitative study. *Journal Science International*, 31(5), 699-702.
- Nordin Mamat, Loy Chee Luen, Nor Mashitah Mohd Radzi, Nurul Hasyimah Mat Rani, Mazlina Che Mustafa, Syahida Iryani Mohd Yusoff, Mohd Mahzan Awang. (2020). Teacher-child interactions in learning activities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9), 812-817. Diperoleh daripada <https://www.archives.palarch.nl/index.php/jae/article/view/3552>.
- Sharifah Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15. Diperoleh daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11492174.pdf>.
- Suppiah Nachiappan, Rachel Munovah, Norazilawati Abdullah, & Sandra Suffian. (2017). Perkembangan kognisi dalam kanak-kanak prasekolah melalui teknik bermain. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6, 34-44. Diperoleh daripada [file:///C:/Users/ASUS/Downloads/1050-Article%20Text-1741-1-1020190307%20\(5\).pdf](file:///C:/Users/ASUS/Downloads/1050-Article%20Text-1741-1-1020190307%20(5).pdf).
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Jamaludin Badusah. (2010). Masalah membaca murid-murid sekolah rendah di Brunei Darussalam: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (2): 77-85.